

'Wanita Perlu Tampil Bela Diri Sendiri'

- Dr. Sharifah Halimah

KEGANASAN dan penganiayaan terhadap wanita dalam rumah tangga bukanlah satu fenomena baru. Masalah sejagat ini telah lama wujud dalam kamus hidup wanita yang bernasib malang apabila bersuamikan lelaki yang bersikap kejam. Namun malangnya, ramai wanita yang lebih rela memiakan diri kerana beranggapan ia adalah masalah dalaman rumah tangga yang tidak wajar diketahui orang luar.

Ini merupakan stigma yang sukar dikikis dalam masyarakat apabila berdepan dengan kes-kes keganasan rumah tangga. Masyarakat lazimnya, melihat ia sebagai satu masalah rumah tangga dan bukannya satu jenayah. Natiujahnya, ramai wanita yang terus menjadi mangsa kekejaman suami dan terus dibelasah apabila cuba bertindak membuat laporan polis.

Presiden Persatuan Wanita Perak Untuk Wanita (Pww), Dr. Sharifah Halimah Jaafar memberitahu, ada wanita yang sanggup bertahan bertahun-tahun lamanya biarpun sering didera secara fizikal dan mental oleh suami. Apabila sudah tidak tertanggung azab disiksa barulah mereka akan keluar mencari bantuan ataupun membuat laporan polis.

Tapi malangnya, apabila wanita-wanita ini membuat laporan polis, mereka biasanya diminta pulang ke pangkuan suami dan dinasihatkan berbincang bersama suami dengan harapan semuanya akan berakhir dengan cara yang baik.

"Iu yang menyebabkan kita rasa kecewa. Kita mempunyai sistem yang baik untuk menangani masalah keganasan rumah tangga melalui perundangan namun sayangnya ia tidak dilaksanakan dengan sebaiknya mungkin.

"Bila mangsa membuat laporan polis, mereka tidak dijelaskan secara terperinci mengenai hak dan apa yang patut mereka lakukan demi menjamin keselamatan. Biasanya, pihak berkuasa meminta mereka bersabar dan pulang ke pangkuan suami untuk selesaikan masalah. Ini kerana pihak berkuasa hanya melihat kes sebegini sebagai masalah rumah tangga dan bukannya satu kesalahan jenayah. Ini yang menjadi punca mengapa masalah ini tiada penyudahnya.

"Akibatnya, ramai wanita rasa takut dan tidak berani untuk buat laporan kerana mereka tahu akhirnya mereka akan menjadi sasaran suami apabila pulang kelak. Sedangkan dalam kes begini pihak berkuasa wajar bertindak pantas kerana biasanya apabila seseorang wanita membuat laporan, ini bermakna kes itu sudah serius. Jangan tunggu sehingga wanita itu dipukul sehingga parah atau separuh mati baru hendak diambil tindakan," ujar beliau yang juga seorang doktor pakar.

Memahami dilema wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga, Dr. Sharifah Halimah berharap pihak berkuasa akan lebih menitik berat kes-kes melibatkan wanita dipukul dan diancam oleh suami. Bagi beliau, kejadian isteri dipukul, ditikam dan dibunuh suami yang dipaparkan sejak kebelakangan ini jelas menunjukkan betapa seriusnya masalah keganasan rumah tangga.

"Kita perlukan sokongan daripada pihak berkuasa untuk membela nasib wanita. Kita amat berharap akan ada pegawai yang ditugaskan khusus untuk membantu wanita yang mengadu didera suami. Kita mahu wanita-wanita ini dibantu terus sebaik mereka membuat aduan dengan menjelaskan apa hak mereka dan bagaimana mereka boleh dilindungi menerusi Akta Keganasan Rumah tangga. Sekurang-kurangnya beri mereka jaminan keselamatan agar tidak diancam suami selepas membuat laporan," ujar peneraju Pww ini kepada Harmoni.

WANITA PERLU BERANI

Bagi Dr. Sharifah, wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga perlu tampil ke depan untuk mengubah nasib mereka. Mereka tidak



Wanita boleh memohon perlindungan sementara di bawah seksyen 4 Akta Keganasan Rumah Tangga bagi menghalang suami mendekati mangsa.

boleh lagi terus menyembunyikan masalah yang dihadapi kerana stigma masyarakat tetapi harus berani untuk mencari keadilan.

"Kita khuatir kerana ada suami yang sanggup pukul isteri sampai mati. Kes-kes penderaan terhadap isteri bukan baru dan bukan isu kecil tapi didiamkan kerana ramai wanita yang tutup mulut demi menjaga maruah dan nama baik keluarga. Tetapi soalnya sampai bila wanita harus berdiambil diri?"

"Mereka takut orang lain, jiran tetangga tahu rumah tangga mereka tidak bahagia. Ramai wanita tidak mahu buat laporan polis kerana takut suami pukul lagi, takut hilang nama baik keluarga akan tercemar. Jadi ramai isteri yang membiarkan diri mereka dibelasah sesuka hati oleh suami selama ini.

"Apabila sudah mengalami kecederaan teruk baru terbongkar dan lebih malang apabila mangsa gagal diselamatkan. Sebab itu, kita mahu terus tampil membuat laporan sebaik ada bukti dan bukannya memiakan diri sehingga memudaratkan diri.

"Ini bukan satu fenomena yang sihat sebaliknya hanya memudaratkan kaum wanita. Jenayah domestik adalah sesuatu yang serius dan perlu ditangani secara serius oleh semua pihak termasuk kaum wanita sendiri, pihak berkuasa dan masyarakat sekeliling. Ia sesuatu yang boleh diatasi dan dihentikan. Kita ada undang-undang dan ada akta yang

melindungi keganasan rumah tangga tapi malangnya, masih ada wanita yang mati kerana didera dan dibunuh suami di rumah sendiri," ujarnya lagi.

JANGAN ANGGAP ISTERI MACAM 'HARTA'

Apa yang menyedihkan apabila masyarakat sering kali mengambil pendekatan menyalahkan wanita dalam hal ini. Masyarakat biasanya akan salahkan isteri bila ada kes suami pukul isteri. Orang akan kata mesti isteri dia tak dengar cakap, mesti isteri dia tak tahu layan suami dan sebagainya. Kenapa? Sudah menjadi kebiasaan bila ada masalah sebegini wanita yang akan dipersalahkan. Wanita akan dilihat sebagai punca kenapa suami marah dan mengamuk.

"Dalam sesetengah masyarakat menganggap wanita macam harta benda suami. Suami dibolehkan disiplinkan isteri dengan cara pukul atau apa sahaja bila buat sesuatu yang dianggap tidak kena padanya. Sesetengah wanita pula fikir ia adalah lumrah dan mereka adalah hak

suami dan tak boleh dibantah. Iu yang dibudayakan dalam masyarakat selama ini. Sebab itu masalah suami pukul isteri tak dipandang serius dalam masyarakat Melayu dan India. Tapi ia jarang berlaku dalam masyarakat Cina kerana wanita

cina lebih self defended dan lebih berani mempertahankan diri dan hak mereka. Sebab itu, wanita Cina jarang jadi mangsa dan suami mereka juga tidak berani ambil kesempatan terhadap isteri mereka," jelasnya.

DOMESTIC VIOLENCE CASES IN MALAYSIA/ YEAR 2000-2009 (By States) KES KEGANASAN RUMAH TANGGA DI MALAYSIA

STATES/NEGERI	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009
PERLIS	39	27	39	32	53	21	42	46	10	54
KEDAH	177	179	177	179	264	328	261	378	387	288
P/PIANG	399	431	269	231	255	272	307	338	279	286
PERAK	269	185	135	123	85	186	261	261	241	290
SELANGOR	877	855	942	805	932	845	795	811	1,102	1,015
KLUMPUR	264	162	131	96	95	71	88	189	92	71
N/SEMBILAN	349	318	242	301	262	253	281	289	252	274
MELAKA	92	56	67	68	104	159	176	106	89	62
JOHOR	377	379	187	234	465	320	377	315	273	231
PAHANG	150	161	202	188	206	167	171	197	186	149
TERENGGANU	24	29	10	9	21	23	33	82	90	68
KELANTAN	33	36	47	19	27	80	88	184	252	173
SABAH	102	86	85	69	124	114	81	144	218	342
SARAWAK	316	203	222	201	208	254	303	416	298	340
TOTAL/JUMLAH	3,468	3,107	2,755	2,555	3,101	3,093	3,264	3,756	3,769	3,643

Sumber/ Source:

- Perangkaan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat (2006), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
- Pemberitahuan Pertanyaan Bagi Bukan Jawab Lisan Dewan Rakyat (2010), Rujukan: 2517

Tip Untuk Wanita Mangsa Dera

WALAU apa pun alasan diberikan, suami tidak mempunyai hak langsung untuk mencederakan isteri mereka. Wanita mangsa dera perlu tegas dalam pendirian dan bertindak awal sebelum perkara buruk berlaku. Tujuan undang-undang syariah atau yang dinamakan maqasid al syariah adalah untuk menjaga agama, nyawa, keturunan, harta dan akal. Jika ada perkara yang mengancam tujuan itu, undang-undang boleh dibuat bagi mengawalinya.

Suami yang mendera secara fizikal seperti memukul tergolong dalam perbuatan keganasan rumah tangga. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 menaekrifkan perlakuan keganasan rumah tangga termasuklah:

- meletakkan mangsa dalam keadaan takut atau cedera;
- menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa;
- memaksa mangsa melakukan perbuatan berbentuk seksual / mengurung / menahan mangsa tanpa kerelaan / melakukan khianat / kerosakan terhadap harta.

Dalam keadaan diterangkan, wanita mangsa dera perlu melakukan beberapa perkara bagi mengakhiri penderitaan yang ditanggung.

- Pertamanya, perlu membuat aduan ke balai polis berhampiran mengenai penderaan yang dilakukan.
- Mangsa juga boleh memohon

perlindungan sementara di bawah seksyen 4 Akta Keganasan Rumah Tangga bagi menghalang suami mendekati mangsa. Permohonan itu hendaklah dibuat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan perintah yang diberikan berkuat kuasa sehingga siasatan polis selesai.

- Di Mahkamah Syariah pula, mangsa juga boleh memohon perintah tegahan mengikut seksyen 107 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 bagi menghalang suami mencecah diri, anak dan harta mangsa.
- Jika wujud keadaan mendesak, mangsa boleh memohon perintah secara ex parte atau sebelah pihak.
- Di samping itu, mangsa boleh memohon hak jagaan sementara anak bagi mengelakkan anak juga didera suami.
- Berhubung perkahwinan pula, mangsa boleh memohon kepada Mahkamah Syariah berhampiran untuk membubarkan perkahwinan sama ada secara taklik atau fasakh.
- Mangsa dinasihatkan berjumpa peguam syarie bagi mendapatkan nasihat sewajarnya dalam memfailkan permohonan pembubaran perkahwinan itu.
- Seterusnya mangsa boleh memohon hadanan kerja atau hak jagaan anak di Mahkamah Syariah.

- Mengikut seksyen 82 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, ibu adalah penjaga utama bagi anak kecilnya sama ada dalam masa perkahwinan atau selepas perkahwinannya terburai selagi tiada perkara yang boleh menggugurkan hak itu berlaku.
- Mangsa perlu mengambil pendirian tegas bagi menyelamatkan nyawa dan anak.
- Undang-undang menjamin hak orang teraniaya tetapi jika mangsa tidak mahu menggunakan saluran perundangan, mungkin tidak ada orang lain yang dapat menolong. Fikirkanlah tindakan paling sesuai dan bertindak segera mempertahankan hak dan anak sebelum terlambat.
- Mahonlah nasihat daripada sanak saudara, sahabat handai atau jiran tetangga kerana dalam keadaan sebegini sokongan saudara dan sahabat ataupun jiran tetangga penting terutama di peringkat yang amat genting.
- Jika keseorangan, mudah suami terus menerus menzalimi anda.
- Mangsa juga boleh memohon bantuan daripada beberapa pertubuhan kebajikan dan pusat perlindungan bagi melindungi puan sekeluarga. Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat juga ada menyediakan talian khas iaitu talian An Nur bagi memberi khidmat nasihat. Nombor talian ialah 15999.

Sumber: Peguam Syarie Malaysia

Abuse - wife abuse

000027032 ABU 2010/A